

03 AUG 2002

Mahathir-Bonus

KERAJAAN KAJI PERMINTAAN CUEPACS UNTUK DAPATKAN BONUS

LANGKAWI, 3 Ogos (Bernama) -- Kerajaan akan mengkaji permintaan Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) untuk mendapatkan bonus dua bulan gaji bagi kakitangan awam, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Semua permintaan kita kaji, tapi kaji tidak bermakna kita bersetuju," katanya kepada pemberita di luar sesi Dialog Antarabangsa Langkawi Global (Global 2002) di sini.

"Kadang-kadang orang pelik sikit, bila kita kaji orang kata kita dah bersetuju," katanya.

Beliau diminta mengulas laporan Bernama yang memetik Setiausaha Agung Cuepacs Abdul Rahman Manan sebagai berkata permohonan itu telah diserahkan baru-baru ini kepada Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan.

"Dia boleh minta, kita cuma boleh bagi setakat kita mampu," kata Dr Mahathir.

Ketika ditanya sama ada keadaan ekonomi negara mengizinkan pembayaran bonus seperti yang dipinta oleh Cuepacs, Dr Mahathir berkata beliau belum dapat memberi jawapan kerana perlu meneliti kedudukan ekonomi negara.

"Saya tak tengok lagi, angka-angka untuk suku kedua, ketiga dan keempat malah angka untuk suku kedua belum dapat," katanya.

Mengulas kenyataan Dr Mahathir, Presiden Cuepacs Datuk N.Siva Subramaniam ketika dihubungi berkata beliau yakin kerajaan akan memberi pertimbangan sewajarnya kepada permintaan Cuepacs.

"Kerajaan kita prihatin kepada pekerja terutama kakitangan kerajaan dan kita yakin kerajaan mampu kerana ekonomi kita menunjukkan tanda-tanda pemulihan," katanya.

Beliau berkata Cuepacs tidak akan membuat tekanan kepada kerajaan dalam perkara itu tetapi menggesa kakitangan kerajaan supaya terus menumpukan usaha meningkatkan produktiviti.

Ketika membentangkan Belanjawan 2002 tahun lalu, Dr Mahathir mengumumkan pemberian bonus setengah bulan gaji atau sekurang-kurangnya RM1,000 kepada kakitangan perkhidmatan awam dan kenaikan gaji pokok 10 peratus mulai Januari lalu.

Belanjawan 2003 negara akan dibentangkan di Dewan Rakyat 20 September ini.

Dr Mahathir berada di sini untuk menghadiri Dialog Antarabangsa Langkawi yang masuk hari ketiga hari ini.

-- BERNAMA

NH AZZ SHY LAT